

Headline	KUB buka francais A&W kepada usahawan tempatan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Jun 2013	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	192,982
Page No	B5	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	249 cm <sup>2</sup>
Journalist	Ahmad Farizal Hajat	AdValue	RM 4,367
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,101



# KUB buka francais A&W kepada usahawan tempatan

» *Rancang wujud 25 cawangan menjelang 2014*

Oleh **Ahmad Farizal Hajat**  
ahmadfarizal  
@mediaprima.com.my

**K**UB Malaysia Bhd (KUB) merancang untuk membuka francais restoran makanan segera A&W kepada usahawan tempatan.

Bagi merealisasikan kumpulan itu akan berunding dengan syarikat induk A&W, A Great American Brand LLC untuk mendapatkan lesen francais utama bagi restoran yang popular dengan minuman 'root beer' itu di Malaysia.

Langkah itu bertujuan untuk memberi peluang kepada usahawan tempatan, khususnya Bumiputera untuk turut serta meraih manfaat daripada revolusi baru operasi rangkaian restoran makanan segera tertua di Malaysia itu.

Pengarah Urusan Kumpulan KUB, Datuk Wan Mohd Nor Wan Ahmad, berkata pemilihan lesen francais utama itu juga secara tidak langsung akan membantu

mengembang dan mengukuhkan semula perniagaan dan operasi restoran itu di pasaran tempatan.

## **Raih keuntungan**

"Perniagaan restoran makanan segera A&W di bawah segmen perniagaan makanan KUB, buat pertama kalinya meraih keuntungan pada suku pertama lalu setelah sekian lama mengalami kerugian, iaitu sejak diambil alih pada 2011.

"Kami melihat ia sebagai satu perkembangan positif hasil transformasi yang dibuat kumpulan pengurusan baru dan ini sudah tentu menawarkan prospek keuntungan kukuh pada masa depan.

"Justeru, bagi mengembangkan lagi operasi restoran makanan segera itu, selain pada masa sama menyediakan peluang kepada usahawan tempatan,

khususnya Bumiputera untuk turut serta dalam perniagaan, KUB merancang untuk mendapatkan lesen francais utama daripada pemiliknya," katanya kepada media selepas mesyuarat agung tahunan KUB di Petaling Jaya, semalam.

KUB ketika ini adalah pemegang sub-français perniagaan A&W di Thailand dan Malaysia sejak 2001.

Perniagaan A&W dibawa masuk ke Malaysia pada 1963 oleh pasangan suami isteri Lie Boff dari Amerika Syarikat yang membuka restoran pertama mereka di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, sekaligus muncul sebagai restoran makanan segera pertama di Malaysia.

Perniagaan itu kemudian diambil alih KUB pada 2001 dan kini A&W Malaysia mempunyai lebih 20 cawangan di seluruh

Malaysia selain merancang untuk meningkatkan bilangan kepada 25 cawangan menjelang 2014.

Wan Mohd Nor berkata, berdasarkan faktor sejarah serta daya saing restoran makanan segera A&W yang tetap kukuh di Malaysia itu, KUB memutuskan untuk tidak menjual restoran ini kepada mana-mana pihak.

**"KUB merancang untuk mendapatkan lesen francais utama daripada pemiliknya," katanya kepada media selepas mesyuarat agung tahunan KUB"**

**Wan Mohd Nor Wan Ahmad,**  
Pengarah Urusan Kumpulan KUB